



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Kuliah 2

Falsafah dalam Kehidupan

DISEDIAKAN OLEH:
AKADEMI TAMADUN ISLAM
UNIVERSITI TEKNOLOGI
MALAYSIA

HASIL PEMBELAJARAN

01

Menjelaskan perkembangan disiplin Ilmu Falsafah serta pembahagian Ilmu Falsafah kepada Falsafah Teoretikal (Nazariyyah) dan Falsafah Praktikal (Amaliyyah)

02

Menghuraikan cabang-cabang utama Falsafah Teoretikal iaitu:

- Metafizik (Falsafah hakikat dan kewujudan)
- Epistemologi (Falsafah ilmu dan kebenaran)
- Falsafah Psikologi (Falsafah Hakikat, Sifat dan Potensi Keinsanan)
- Estetik (teori perasaan dan kecantikan)

03

Menghuraikan cabang-cabang utama Falsafah Praktikal iaitu:

- Etika (Falsafah Akhlak & Baik/Buruk)
- Falsafah Politik (Falsafah Kerajaan & Governan Negara)
- Falsafah Ekonomi (Falsafah Pengagihan Kekayaan & Keadilan)
- Falsafah Peradaban (Falsafah Perkembangan Budaya & Tamadun Kemanusiaan)

04

Menganalisis perkembangan dan kemunculan terbaru dalam dunia Falsafah seperti Falsafah Teknologi, Falsafah Organisasi dan Falsafah Ekologi

ISI KANDUNGAN

1

DEFINISI FALSAFAH

Ahli Falsafah Yunani | Ahli Falsafah Barat | Ahli Falsafah Muslim

2

PEMBAHAGIAN FALSAFAH

3

SUMBER FALSAFAH

Falsafah Barat | Falsafah Islam

DEFINISI

Falsafah


DEFINISI FALSAFAH (BAHASA)

- ▶ Berasal dari dua perkataan Yunani, “**Philo**” atau “**Philein**” (suka atau cinta) dan “**sophos**” (hikmah atau bijaksana); atau cintakan kebijaksanaan.
- ▶ Suatu cara berfikir yang radikal lagi menyeluruh dan mengupas sesuatu dengan mendalam. (Jujun, 1990)

- Falsafah adalah usaha untuk jawab soalan yang terakhir (Bertrand Russel)
- Hasrat menemukan kebenaran
- Tindakan untuk mencapai kebaikan tertinggi.
- Pencarian kepada jawapan bagi sejumlah soalan yang sudah ada sejak dahulu
- Mengajukan pertanyaan adalah usaha awal berfalsafah – Mengapa? Mengapa tidak begitu?

MENURUT ILMU FALSAFAH

Definisi Falsafah daripada Ahli-ahli Falsafah



Pengetahuan tentang
segala kewujudan

PLATO



Usaha, akliyah menyelidik
sebab dan asas segala benda

ARISTOTLE



Ilmu pengetahuan tentang alam
yang wujud dan bertujuan
menyelidik hakikatnya yang sebenar

AL-FARABI

PENGERTIAN UMUM FALSAFAH

2020





“kehidupan yang tidak diperiksa tidak layak untuk dihayati (the unexamined life was not worth living)”

Socrates



Falsafah sebenarnya **mendominasikan kehidupan** manusia. Tanpa pemeriksaan falsafah sesuatu bentuk kehidupan tidak sesuai untuk dihayati atau menjadi pola kehidupan seseorang.

DEFINISI FALSAFAH



Ahli Falsafah Greek

- Socrates (469-399SM): Kajian mengenai alam semesta ini secara teori untuk mengenal diri sendiri.
- Plato(427-347SM): Pengetahuan segala kewujudan.
- Aristotle (384-322SM): Kajian mengenal perkara yang bersifat asasi dan abadi untuk mengharmonikan kepercayaan mistik atau agama dengan menggunakan akal fikiran.



Ahli Falsafah Barat

- Immanuel Kant (1724-1804M): Ilmu pengetahuan yang menyelidik dasar-dasar bagi mengetahui sesuatu dan bertindak.
- John Dewey (1859-1925M): Perjuangan manusia dalam melakukan penyesuaian di antara kumpulan tradisi yang membentuk akal manusia dengan cita-cita politik baru.

DEFINISI FALSAFAH

Ahli Falsafah Islam



- Al-Farabi (870-950M): Ilmu pengetahuan tentang alam yang wujud dan bertujuan menyelidik hakikatnya yang sebenar.
- Ibnu Tufail (1110-1185M): usaha mencari kebahagiaan dan kebenaran melalui pemikiran.
- Ibnu Rushd (1126-1198M): penyelidikan tentang alam wujud dan memandangnya sebagai jalan untuk menemui Maha Pencipta segala ciptaan.

RUMUSAN DEFINISI FALSAFAH

Bagaimanapun pengertian falsafah yang secara popular ialah berfikir. Namun, jika hanya setakat berfikir sahaja bukanlah berfalsafah namanya. Yang dikatakan berfikir secara falsafah seharusnya mengandungi ciri-ciri seperti berikut:



Berfikir secara Kritikal

Berfikir secara kritikal iaitu renungan yang mendalam sehingga dapat menilai kekuatan dan kelemahannya, bukan secara rambang dan tergesa-gesa.



Berfikir secara Universal

Berfikir secara universal iaitu menurut pengalaman manusia umumnya (*common experience of mankind*) bukannya secara khusus dan terbatas seperti dalam disiplin ilmu yang tertentu.



Berfikir secara Integral

Berfikir secara integral, iaitu berpadu secara lengkap pada masing-masing bahagian yang ada.



PEMBAHAGIAN FALSAFAH

Ontologi



- Kosmos (Alam)
- Antropos (Manusia)
- Theos (Tuhan)

Epistemologi



- Sumber
- Skop
- Metode


Aksiologi



- Etika
- Estetika
- Agama/ Sistem Kepercayaan

ONTOLOGI

Konsep Ontologi



ONTOLOGI

Ontologi ialah:

- Ilmu atau teori tentang kewujudan sesuatu hakikat.
- Hakikat dalam kajian ontologi ialah keadaan sebenar sesuatu, bukan keadaan sementara yang selalu berubah-ubah.
- Mengungkap makna tentang **kewujudan (Existence)**

SKOP KAJIAN ONTOLOGI

1

METAFIZIK

Berkaitan realiti dan hakikat kewujudan, membawa kepada kefahaman tentang kewujudan mutlak, iaitu Allah Taala.

KOSMOLOGI

Perbahasan mengenai hakikat kejadian dan kewujudan alam semesta.

2

3

MATEMATIK

Bidang kajian dalam arithmetik, algebra, trigonometri dan geometri.

KEMANUSIAAN

Kajian dalam bidang sosiologi atau tingkah laku manusia dan sejarah.

4

EPISTEMOLOGI

Epistemologi ialah:


- Berasal dari Bahasa Yunani: *Episteme* = Pengetahuan; *Logos* = Pengetahuan sistematik atau ilmu
- Suatu pemikiran yang mendalam dan sistematik mengenai sesuatu ilmu pengetahuan.
- Merupakan teori ilmu tentang asas, matlamat, sumber dan ciri-ciri ilmu pengetahuan.
- Satu cabang falsafah yang membahaskan tentang sumber, struktur, kaedah dan kebenaran sesuatu pengetahuan
- Menjawab persoalan mengenai sesuatu pengetahuan yang dimiliki.

AKSIOLOGI

Aksiologi ialah:

- Berasal dari Bahasa Yunani: *Axios* = Nilai; *Logos* = Pengetahuan sistematis atau ilmu
- Penelitian tentang nilai yang dianalisis dari pelbagai sudut seperti pegangan kepercayaan, kebudayaan, konsep moral dan sebagainya.
- Teori Nilai
 - Perspektif Islam - Bersumberkan wahyu dan berasaskan akal menurut perspektif Islam.
 - Perspektif Barat - Bersumberkan akal.

SUMBER ILMU DALAM FALSAFAH





CABANG-CABANG

Ilmu Falsafah

ALIRAN ILMU FALSAFAH

TEORETIKAL



- Metafizik
- Epistemologi
- Psikologi
- Estetika

PRAKTIKAL



- Etika
- Politik
- Ekonomi
- Peradaban

BAHARU



- Falsafah Teknologi
- Falsafah Alam Sekitar
- Falsafah Timur

FALSAFAH

Teoretikal

FALSAFAH TEORETIKAL (NAZARIYYAH)

- Ia merujuk kepada persoalan-persoalan dasar yang memerlukan satu usaha intelektual yang mendalam untuk menjawabnya.
- Diskusi tidak mempunyai apa-apa kegunaan yang nyata tetapi ianya menjawab keinginan untuk mengetahui sesuatu perkara yang dasar itu.
- Bertujuan mencari hakikat kebenaran.
- Merujuk kepada semua jenis ilmu tentang kewujudan.
- Merangkumi Tuhan, manusia dan alam



METAFIZIK

Hakikat dan
Kewujudan



PSIKOLOGI

Hakikat, Sifat dan
Potensi Keinsanan



Cabang Utama Falsafah Teoretikal



EPISTEMOLOGI

Ilmu dan
Kebenaran



ESTETIKA

Teori Kesenian
dan Keindahan

CABANG UTAMA FALSAFAH TEORETIKAL

Metafizik

Persoalan di luar realiti
kebendaan yang tidak
dapat diketahui melalui
pancaindera.

- Tema ketuhanan,
takdir, jiwa.

01

Psikologi

Membantu memahami
minda & tingkahlaku
manusia

- Memberi penghayatan
terhadap sifat dan
potensi keinsanan.

03

Epistemologi

Membahaskan tentang
hakikat, sumber dan
kesan ilmu.

02

Estetika

Kepekaan terhadap
kesenian dan keindahan

- Menggambarkan,
mentafsir & menilai
pengalaman seni.

04

FALSAFAH

Praktikal

FALSAFAH PRAKTIKAL (**AMALIYYAH**)

- Perbincangan falsafah dalam disiplin tertentu tentang sesuatu bidang yang mempunyai aplikasi yang jelas
- Bertujuan mencari kebahagiaan hidup
- Merujuk kepada aktiviti menghayati ilmu-ilmu (tentang manusia, Tuhan dan alam) dalam segenap lapangan kehidupan manusia
- Merangkumi bidang pengajian seperti politik, ekonomi, akhlak, peradaban dan lain-lain.

FALSAFAH PRAKTIKAL

Cabang Falsafah Praktikal



AKHLAK/ETIKA (*Akhlaqiyyah*)

Falsafah Akhlak & Baik Buruk



EKONOMI (*Iqtisadiyyah*)

Falsafah Pengagihan Kekayaan dan Keadilan




POLITIK (*Siyasiyyah*)

Falsafah Kerajaan & Governan Negara



PERADABAN

Falsafah Perkembangan Budaya dan
Tamadun Kemanusiaan



FALSAFAH AKHLAK (*ETIKA*):

- Disiplin ilmu yang mengkaji isu baik buruk berkaitan adat, tabiat, cara berfikir, sikap, tingkahlaku, agama dan semua faktor yang mempengaruhi kehidupan manusia.
- Falsafah yang membahaskan perkara-perkara pentadbiran manusia mengenai dirinya; apakah dan bagaimanakah kelakuan yang baik boleh menjamin dirinya mendapat kebahagiaan.

FALSAFAH EKONOMI

- Falsafah yang membincangkan persoalan dasar mengenai keadilan dan kesaksamaan ekonomi.
- Falsafah yang membahaskan perkara-perkara pentadbiran manusia mengenai diri, keluarga dan masyarakat; perbincangan mengenai cara-cara mendapatkan bahan-bahan keperluan kehidupan, pembahagian kerja, menentukan harga barang dan hak milik.

FALSAFAH POLITIK

- Falsafah yang memberikan hasil yang praktikal dan bermanfaat dalam membahaskan isu politik, konsep pentadbiran dan pemerintahan, sistem kerajaan serta menentukan baik dan buruk.
- Contoh pemikiran falsafah politik: Demokrasi, Marxisme dan Komunisme.

FALSAFAH PERADABAN

- Pemikiran tentang kehidupan bermasyarakat yang telah mencapai taraf kehalusan tatasusila dan kebudayaan yang luhur serta pencapaian terbaik dalam bidang pemikiran, material dan spiritual.
- Peradaban memiliki institusi-institusi yang kompleks dan penguasaan teknologi yang canggih
- Pencapaian material mestilah bergerak seiring dengan spiritual (kerohanian)
- Matlamat akhir:
 1. Menyempurnakan manusia dengan kemanusiaan
 2. Menyerlahkan makna sebenar perhambaan kepada Tuhan
 3. Keseimbangan yang menyeluruh dalam kehidupan individu dan masyarakat.

FALSAFAH PRAKTIKAL

Falsafah praktikal boleh ditakrifkan sebagai kajian asas falsafah (metafizik, teori pengetahuan, logik) untuk "pemikiran praktikal", dengan penekanan pada nilai-nilai, sikap terhadap kehidupan dan norma tingkah laku.

Teori nilai dan analisis kedudukan normatif merupakan teras falsafah praktikal.

FALSAFAH

Baru

FALSAFAH BAHARU



1

• Teknologi

2


• Organisasi

3

• Ekologi


FALSAFAH TEKNOLOGI

- Falsafah teknologi muncul kerana kepesatan teknologi baharu yang wujud selepas Revolusi Industri kedua pada abad ke-19.
- Teknologi baharu seperti teknologi pembuatan kereta, kapal terbang, telefon, televisyen, internet telah memberi impak yang sangat besar kepada kehidupan manusia.
- Pemikiran falsafah teknologi diperlukan untuk memahami:
 - Hakikat teknologi
 - Hubungan teknologi dengan manusia
 - Sifat teknologi
 - Sambungan kepada diri manusia atau ancaman; teknologi senjata dan *Artificial Intelligence*.



FALSAFAH TEKNOLOGI

- Mitcham (1994) menyebut jenis falsafah teknologi "falsafah teknologi manusia" kerana ia menerima "keutamaan kemanusiaan melalui teknologi."
- Cawangan falsafah teknologi telah dibangunkan yang berkaitan dengan teknologi itu sendiri dan bertujuan untuk memahami kedua-dua amalan merancang dan mewujudkan artifak (dalam erti kata yang luas, termasuk proses dan sistem buatan) dan sifat benda yang dicipta.




FALSAFAH ORGANISASI

- Berkaitan kepimpinan (Kekuatan dan kelemahan):
 - Matlamat, hala tuju dan visi organisasi
 - Hubungan sosial dalam organisasi (perkongsian/perasaan kekitaan)
 - Kepercayaan
- Perubahan organisasi ke arah mewujudkan situasi yang sesuai mengikut tujuan masing-masing.



FALSAFAH EKOLOGI

- Falsafah alam sekitar dan pergerakan sosial.
- Berdasarkan kepercayaan bahawa manusia mesti secara radikal mengubah hubungan mereka dengan alam semulajadi.
- Bermula dengan menghargai sifat semata-mata untuk kegunaannya kepada manusia yang mengiktiraf alam semulajadi mempunyai nilai yang melekat.



FALSAFAH EKOLOGI

- Merujuk kepada persoalan-persoalan dasar dan bercorak falsafah mengenai alam sekitar.
- Wujud kerana adanya masalah-masalah alam sekitar yang telah melanda manusia dan tamadun kita pada masa kini hingga mencetuskan satu krisis yang disebut sebagai *ecological crisis*.
- Persoalan-persoalan yang timbul:
 - Apakah hubungan manusia dengan alam sebenarnya?
 - Apakah makna alam ini bagi kehidupan manusia?
 - Adakah alam ini hanya untuk manusia menggunakan bagi kepentingan ekonominya bagi kesejahteraan atau adakah alam ini sesuatu yang lebih dari sumber ekonomi semata-mata?
- Konsep etika dan *eco-friendly* terhadap alam sekitar



Falsafah UTM

The divine law of Allah is the foundation for science and technology. UTM strives with total and unified effort to attain excellence in science and technology for universal peace and prosperity in accordance with His will.

Hukum Allah adalah dasar kepada sains dan teknologi, maka UTM berusaha secara menyeluruh dan bersepadu memperkembangkan kecemerlangan sains dan teknologi untuk kesejahteraan dan kemakmuran sejagat sesuai dengan kehendak-Nya.



Our Vision

To be recognised as a world-class centre of academic and technological excellence.



Our Mission

To be a leader in the development of human capital and innovative technologies that will contribute to the nation's wealth creation.



KESIMPULAN

- Falsafah ini merupakan satu skop yang sangat luas.
- Berhubung rapat dengan kehidupan seharian kita.
- Falsafah bukan hanya teori sahaja tetapi juga mempunyai praktikal.
- Falsafah membentuk peribadi seseorang.
- Membimbing kehidupan individu ke arah kehidupan penuh kebaikan dan menghindari seseorang dari keburukan.
- Falsafah mendorong individu mencapai matlamat yang dihajati dalam kehidupannya sama ada mencapai kejayaan, kebaikan, kesenangan dan kebahagiaan.
- Kerja-kerja **akal yang datang dahulu** dan kemudiannya **disempurnakan oleh kaki, tangan dan anggota badan**. Maksudnya kerja-kerja lahir itu adalah 'terjemahan' dari apa yang telah diputuskan oleh rumusan akal, maka kerja akal yang perlu tepat dan jelas. Jika **tidak tepat**, maka seluruh tindakan yang diambil akan menghadapi **masalah**.

KONTEKS FALSAFAH

- Falsafah Pendidikan Kebangsaan
- Falsafah Pendidikan Islam
- Falsafah Rukun Negara
- Falsafah Sejahtera

Menjelaskan Asas dan
Kerangka Pembinaan
Falsafah dalam Masyarakat



ANALISIS FALSAFAH

- Logik dan Metodologi
- Insan (Psikologi dan Sosiologi)
- Metafizik
- Epistemologi

Menghuraikan Domain-
domain Utama Analisis
Falsafah

APLIKASI ISU SEMASA

- Ideologi Semasa
- Dekolonisasi

Menganalisis Cabaran Isu
Semasa Melalui Domain
Analisis Falsafah

Philosophy of
Law



Philosophy of
Medicine



RINGKASAN



Falsafah:

1. Usaha mengkaji sesuatu
2. Menggunakan akal
3. Mendapatkan kebenaran

Aliran Falsafah:

1. Insan
2. Alam Tabi'i
3. Intelektual (akademik)
4. Ciri sepunya: Problem solving dengan hujah rasional

Aliran Ilmu Falsafah:

1. Teoretikal (Metafizik, Logik) - Memuaskan keinginan untuk tahu
2. Praktikal (Ekonomi, Politik, Etika) - Secara langsung digunakan untuk membuat dasar

Falsafah tidak lari daripada kehidupan kita.

Tindakan kita dibuat disebabkan oleh rumusan akal. Jika tidak baik, akan datangkan masalah.

Falsafah Islam

1. Ontologi (Metafizik): Hakikat ketuhanan, sam'iyat.
2. Kosmologi (Alam semesta): Tunjukkan keagungan Allah
3. Epistemologi: Pentingnya ilmu untuk mencari kebenaran.
4. Aksiologi: Akhlak dan etika berdasarkan al-Quran

Kategori Ilmu Falsafah:

1. Ontologi (Teori Kewujudan): Metafizik, Kosmologi, Matematik, Kemanusiaan
2. Epistemologi (Teori Ilmu)
3. Aksiologi (Teori Nilai): Logik, Etika, Estetika

AKTIVITI PELAJAR

1

ONLINE
ACTIVITY



2

Bincangkan
Falsafah UTM dan
hubungannya
dengan
Epistemologi

AKTIVITI PELAJAR

1

ONLINE ATIVITY

2

Bincangkan
perbandingan
Falsafah universiti
berikut:

1. UM
2. UKM
3. Cambridge
4. Oxford

Senario dan Kajian Kes 2

Persoalan epistemologi (teori tentang ilmu):
Bagaimana kita tahu?



- Bezakan falsafah agama dengan ilmu agama.
Sila bincangkan.




Senario dan Kajian Kes 3




- Persoalan metafizik: Dari mana datangnya kewujudan kita? Ke mana kita akan pergi akhirnya?
- Sila bincang mengikut agama masing-masing.

Senario dan Kajian Kes 4

1. Persoalan etika: Bagaimana mencapai kehidupan sejahtera?
2. Sila bincangkan berdasarkan pendekatan sains, agama dan falsafah.







RUJUKAN

TERIMA KASIH